



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN TINGKAT II (C.1-2 EB.3)
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN TINGKAT II
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Agriculture (Forestry) / Applied Environment Science and Geography / Conservation and Forest Ecosystems / Environmental Forestry / Environmental Science / Forestry / Science Wildlife Management and Control atau bidang yang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Pembantu Perhutanan atau Renjer Hutan atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Sijil Asas Perhutanan, Jabatan Perhutanan serta mempunyai kelulusan pengkhususan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.
4. Mempunyai Lesen Memandu kelas 3 yang sah dan tidak mansuh.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM:

1. Mengetuai dan memastikan kakitangan / pekerja yang dipertanggungjawabkan kepadanya membuat kerja-kerja luar yang diatitkan oleh Ketua Jabatan termasuk menjaga keselamatan harta benda Kerajaan yang diamanahkan kepadanya bagi kemudahan menjalankan tugas berkenaan dalam keadaan baik;
2. Sebagai pegawai luar mengendalikan, menyelaraskan, memantau dan melaporkan kepada pegawai atasan aktiviti pengeluaran hutan;
3. Menyediakan laporan-laporan pencapaian kerja bulanan bagi kerja-kerja luar yang diamanahkan oleh Ketua Bahagian / Unit di mana ianya ditempatkan serta menyediakan 'check roll' bagi pekerja bergaji hari di bawah jagaannya;
4. Membuat sokongan laporan prestasi kerja kepada Ketua Bahagian / Unit bagi kesemua pekerja luar di Bahagian / Unitnya;
5. Bermalam di hutan bagi memantau aktiviti pembalakan;
6. Melaksanakan undang-undang yang termaktub di dalam Akta Perhutanan Penggal 46, Undang-Undang Brunei dan semua peraturan di bawah Seksyen 52 di dalam Akta berkenaan. Ini termasuk peraturan Pentadbiran sampingan yang dibuat dari semasa ke semasa bagi mengemaskinikan pelaksanaan Akta berkenaan;
7. Membuat penyiasatan dan penilaian jika terjadi pencerobohan hutan bersama dengan pihak yang berkenaan dan menyediakan laporan kejadian kepada Ketua Bahagian;
8. Membuat pemantauan dan pengawalan di dalam aktiviti-aktiviti operasi hutan, kilang-kilang papan dan industri perkayuan yang lain, kemasukan dan keluaran produk barangan kayu;
9. Menjalankan tugas-tugas penandaan sempadan Kawasan / Kompartmen / Blok / Seksyen bagi aktiviti pembalakan;
10. Menyediakan laporan tutup Kawasan / Blok / Seksyen bagi syarikat pembalakan;



11. Memeriksa kawasan permohonan pembukaan kawasan hutan; dan
12. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN HIDUPAN LIAR

1. Mengetuai pemantauan buaya di perairan Dearah Brunei dan Muara;
2. Mengetuai kajian populasi buaya;
3. Mengetuai pemantauan kawasan konflik manusia buaya dan manusia monyet;
4. Memindah monyet-monyet ke kawasan yang dikenal pasti; dan
5. Menangkap dan memindah buaya.